

# MAJLIS PEMAKAIAN SAYAP PENERBANGAN

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5055-majlis-pemakaian-sayap-penerbangan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5055-majlis-pemakaian-sayap-penerbangan)

KUALA LUMPUR, 30 Mei 19 – Lt Muhammad Azfar Azim bin Ibrahim TUDM yang telah berjaya menamatkan Kursus Asas Penerbangan di Sekolah Penerbangan TNI AU Angkatan 95, Jogjakarta Indonesia telah dipakaikan sayap penerbangan hari ini.

Beliau yang merupakan satu-satunya peserta dari TUDM telah mengikuti kursus ini mulai 1 November 2017 dan tamat pada 16 Mei 2019 di dalam ketukangan juruterbang.

Majlis pemakaian sayap telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM.

